

28/08/1999

BN rancang sambut ulang tahun ke-25

KUALA LUMPUR, Jumaat - Barisan Nasional (BN) akan mengadakan satu perhimpunan besar sempena sambutan ulang tahun ke-25, kata Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Beliau yang juga Naib Presiden Umno yang menjalankan tugas Timbalan Presiden, bagaimanapun berkata, tarikh perhimpunan itu belum ditetapkan kerana ia masih di peringkat persiapan.

"Kita mempunyai tempoh yang panjang kerana sambutan itu berjalan dari 1 Jun ini hingga 5 Jun tahun depan. Bila dah siap semua, baru kita tetapkan tarikh.

"Yang hendak kita tekankan bukan pesta besar-besaran, itu bukan caranya. Ia sekadar memperingati, itu yang penting, apa yang dicapai oleh BN selama ini," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan jawatankuasa sambutan itu, di ibu pejabat BN di sini, hari ini.

Beliau berkata, perhimpunan itu satu acara yang dianggap penting bukan saja oleh anggota BN tetapi juga rakyat kerana mereka mahu mendengar amanat Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, selaku Pengerusi BN, yang menjadi acara kemuncak majlis itu.

Katanya, jemputan mungkin dibuat kepada tokoh-tokoh luar negeri untuk menghadiri perhimpunan itu tetapi keputusan belum dibuat.

Mengenai tema sambutan ulang tahun itu 'Teguh Padu ke Alaf Baru', Abdullah berkata keteguhan BN tidak boleh dipertikaikan dan dalam keteguhan berasaskan muafakat dan kerjasama itulah, BN akan menuju ke alaf baru.

Menjawab soalan sama ada perhimpunan itu akan menjadi tapak pelancaran kempen pilihan raya BN, beliau berkata:

"Ia tidak semestinya, selagi ada waktu dan belum pilihan raya, BN akan terus berkempen."

Beliau juga menolak dakwaan parti pembangkang bahawa langkah kerajaan mempermudah pengeluaran visa bagi pelancong China ke negara ini bertujuan memudahkan 'pengundi hantu' mengundi pada pilihan raya akan datang.

"Mana ada pengundi hantu di negara kita, mengarut saja, tak masuk akal. Rakyat negara ini sudah cukup matang, rakyat Malaysia pun tahu dah siapa hendak diundi..."

"Kita tidak perlu pengundi hantu dari China untuk mengundi kita pada pilihan raya," kata beliau.

(END)